



## Potensi tarikan ekopelancongan rekreasi di Taman Rekreasi Air Panas (TRAP) Sungai Klah, Perak

Rosniza Aznie CR<sup>1</sup>, Mohd Azlan Abdullah<sup>1</sup>, Rozalini R<sup>1</sup>, Rosmiza MZ<sup>1</sup>, Abdul Rahim MN<sup>1</sup>,  
Mohd Fuad MJ<sup>1</sup>, Novel L<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran, Fakulti sains Sosial & Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Rosniza Aznie Che Rose (email: aznie@ukm.my)

### Abstrak

Taman Rekreasi Air Panas (TRAP) FELDA Residence Hot Springs Sungai Klah, Sungkai terletak di pedalaman FELDA, merupakan destinasi ekopelancongan baru berasaskan alam semula jadi iaitu sumber mata air panas dan air gunung yang diuruskan oleh Plantation Resort Sdn.Bhd (PRSB). Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti potensi Taman Rekreasi Air Panas (TRAP ) FELDA Residence Hot Springs Sungai Klah sebagai produk pelancongan FELDA, meneliti aktiviti rekreasi dan daya tarikan yang terdapat di TRAP, menilai kemudahan dan persekitaran yang disediakan, dan menilai persepsi pelancong terhadap TRAP. Seramai 50 orang pelancong yang terlibat dalam kajian ini yang dipilih secara rawak. Kaedah kaji selidik digunakan dan data yang diperolehi dianalisis menggunakan program *SPSS* versi 15.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelancong yang datang ke TRAP bertujuan untuk bermandi-mandi, melakukan aktiviti merebus telur, berjalan di laluan titi kayu sambil memerhatikan flora, fauna dan sumber mata air panas yang menjadi terapi sauna semulajadi ketika berjalan di laluan titi kayu tersebut. Pelancong yang datang kebanyakannya berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan dan terdapat juga segelintir pelancong yang kurang berpuas hati terhadap kemudahan pengangkutan, kemudahan rekreasi, penginapan dan bayaran masuk. Walau bagaimanapun, pelancong masih lagi ingin berkunjung ke TRAP memandangkan destinasi ini menarik dan berpotensi untuk maju di masa hadapan.

**Katakunci:** air panas, ekopelancongan, FELDA, rekreasi, tarikan, TRAP

## The potential of recreational ecotourism attractions at Sungai Klah Hot Springs Recreational Park, Perak

### Abstract

FELDA Sungai Klah's Hot Springs Park (HSRP), located in the interior of Sungkai, is a new eco-based hot springs and mountain water park that is managed by the Plantation Sdn. Bhd (PRSB). This study examines the potential of the HSRP as a FELDA tourism product, reviews the recreational activities and attractions available in the HSRP, and the tourist perceptions of HSRP. About 50 tourists were selected randomly for this study. Their responses were analyzed using the 15.0 version of the SPSS program. The result of the study showed that tourists came for swimming, egg boiling and trawling while watching the flora and fauna, and natural sauna therapy from the hot springs. Most tourists were satisfied with the facilities provided although some were less satisfied with the ease of transportation, recreational facilities, accommodations and entrance fees. However, most tourists planned to visit the HSRP again in the future.

**Keywords:** ecotourism, FELDA, hot spring, recreational, HSRP, tourist attraction

## Pendahuluan

Pelancongan mempunyai pelbagai maksud mengikut perspektif dan pandangan pihak-pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dengan industri pelancongan. Ini termasuklah pelancong itu sendiri, organisasi penginapan dan pengangkutan, organisasi pendidikan, pihak kerajaan dan sebagainya.

Perkataan “*tourism*” berasal daripada perkataan Latin iaitu *turnare* dan juga Greek iaitu *turnos* yang membawa maksud pergerakan dalam suatu bulatan. Ia didefinisikan sebagai suatu kajian manusia yang bertentangan dengan habitat semula jadi mereka serta penglibatan industri yang bertindak balas pada keperluan mereka, dan juga kesan ke atas diri mereka dan industri itu daripada sudut sosio budaya, ekonomi dan persekitaran (Jafari, 1977). Leiper (1981) pula menjelaskan pelancongan sebagai suatu sistem terbuka yang mempunyai hubungan dengan persekitaran yang luas, elemen manusia iaitu pelancong, elemen kawasan iaitu kawasan asal, kawasan persinggahan dan kawasan destinasi yang terpilih, elemen ekonomi iaitu industri pelancongan dan elemen dinamik iaitu terdiri daripada individu yang mengembara bagi tujuan berehat jauh dari tempat asal mereka selama lebih kurang satu hari.

Pelancongan rekreasi dipromosikan dengan gambar-gambar yang cantik dan dapat menarik pelancong atau masyarakat yang mahu bersantai dengan alam semula jadi. Ceballos Lascurain (1988) menyatakan ekopelancongan sebagai penjelajahan sesuatu kawasan yang mempunyai tujuan spesifik seperti pengkajian, penghayatan serta menikmati persekitaran flora dan fauna yang pelbagai spesies. Sehubungan itu, di dalam *International Ecotourism Society* (2012) yang ditubuhkan di Eropah, ekopelancongan didefinisikan sebagai pelancongan yang berteraskan kesedaran ekologi. Di samping itu, ekopelancongan sebagai pelancongan juga dapat menggalakkan masyarakat dan pihak tertentu bertanggungjawab serta bertindak dalam menguruskan dan merancang pembangunan dengan sempurna bagi mengekalkan keseimbangan ekologi. Ziffer (1995) menjelaskan ekopelancongan adalah merujuk kepada pendekatan yang ‘aktif’ iaitu “proses ekopelancongan yang tidak memusnahkan fauna dan sumber semulajadi serta membangunkan kawasan dan secara langsung dapat menyumbangkan faedah serta keuntungan hasil daripada penerokaan tersebut”.

Menurut sumber sesawang Pusat Maklumat Rakyat (Jabatan Penerangan Malaysia 2012), ekopelancongan adalah “perjalanan dan lawatan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar, kepada kawasan semulajadi, untuk menikmati dan menyedari akan sifat-sifat semulajadi (termasuk sifat-sifat kebudayaan kini dan lalu), yang menggalakkan pemuliharaan alam sekitar, membawa kesan yang rendah serta membolehkan penglibatan masyarakat tempatan di dalam aktiviti sosio-ekonomi yang positif”. Oleh yang demikian, konsep ekopelancongan yang cuba difahami oleh pengkaji dalam kajiannya merujuk kepada pelancongan yang berasaskan alam semulajadi. Konsep ini cuba melihat keupayaan alam semulajadi yang menjadi tarikan utama para pelancong untuk berkunjung ke destinasi-destinasi yang dibangunkan.

Menurut Mohamad Zaki & Johan (2006), terdapat beberapa ciri utama yang terkandung di dalam ekopelancongan, iaitu;

- a) Melibatkan kawasan yang ‘bernilai’ dan istimewa seperti hidupan liar, pemandangan, warisan dan keterasingan
- b) Meminimalkan impak dan kerosakan kepada persekitaran tempatan dan komuniti
- c) Mendidik masyarakat supaya lebih memahami dan menghargai.
- d) Memaksimumkan penglibatan, pengawalan dan manfaat kepada penduduk.

Pendekatan ekopelancongan telah digunakan dalam membangunkan sektor pelancongan rekreasi di TRAP Sungkai, Perak. Pembangunan ekopelancongan rekreasi ini bukan sahaja menawarkan prospek yang lebih baik kepada FELDA tersebut, tetapi juga merupakan satu anjakan pendekatan ke arah membekalkan kemudahan rekreasi dan santai kepada pelancong.

## Permasalahan dan kepentingan kajian

Ekopelancongan telah mula mendapat perhatian daripada pelbagai pihak termasuk kerajaan, swasta dan badan-badan NGO. Ekopelancongan sedang giat diperkenalkan kerana Malaysia mempunyai keunikan alam semulajadi yang dapat menarik minat pelancong. Menyedari akan potensi alam semulajadi dan perkembangan pesat dalam aktiviti ekopelancongan rekreasi telah menyebabkan TRAP

dibangunkan berasaskan alam semulajadi. Tindakan FELDA menubuhkan TRAP ini telah membuka fenomena baru di kawasan tersebut. Kini nama TRAP Sungai Klah semakin dikenali dan berjaya menarik ramai pelancong sama ada tempatan dan Asean berkunjung ke sini sekaligus berpotensi menjadi kawasan ekopelancongan rekreasi yang terkenal di negeri Perak. Selain itu, dengan penubuhan TRAP ini telah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat, peyediaan *homestay* kepada pelancong dan pembinaan kemudahan rekreasi lain.

Sejak FELDA ditubuhkan pada tahun 1956 yang lalu, pelbagai kemajuan dan pembangunan telah dilakukan oleh FELDA termasuklah dari segi pertanian dan perladangan, penempatan dan pembukaan tanah baru, aktiviti pembangunan masyarakat dan program keusahawanan, pembangunan ekopelancongan dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini dilakukan kerana kawasan FELDA ini merupakan lokasi baru pembangunan ekopelancongan rekreasi di yang belum banyak dikaji oleh penyelidik lain. Justeru, timbul keperluan untuk mengkaji dan melihat sejauhmana TRAP berpotensi untuk menjadi sebuah destinasi ekopelancongan utama? Adakah kemudahan yang disediakan mampu memberi keselesaan kepada pelancong? Apakah aktiviti yang disediakan dan apakah daya tarikan pelancong untuk berkunjung ke kawasan ini? Akhir sekali persepsi serta cadangan pelancong juga akan diambil kira dalam memajukan TRAP sebagai salah sebuah destinasi ekopelancongan rekreasi yang terkenal.

## Metodologi dan sampel kajian

Instrumen utama dalam kajian ini ialah menggunakan borang kaji selidik. Kajian soal selidik tertumpu kepada responden iaitu pengunjung yang berkunjung ke TRAP pada waktu hujung minggu iaitu hari Sabtu dan Ahad yang dianggarkan seramai 600 orang. Namun begitu, berdasarkan respon yang diterima, penyelidik hanya dapat memilih 50 orang responden secara rawak bagi tujuan kajian ini. Responden yang dipilih terdiri daripada kalangan pelancong, pekerja dan juga penduduk tempatan untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Soalan yang dikemukakan adalah berdasarkan borang soal selidik yang disediakan merangkumi profil responden, tujuan dan mod kedatangan, pengalaman dan aktiviti yang dilakukan serta persepsi dan cadangan terhadap TRAP. Manakala analisis dan perbincangan hasil kajian yang digunakan dalam makalah ini hanya berbentuk deskriptif dan peratusan bagi melihat perbezaan dan frekuensi bagi setiap aspek yang dibincangkan.

## Hasil kajian dan perbincangan

### *Profil pelancong*

Pelancong yang mengunjungi Taman Rekreasi Air Panas (TRAP) FELDA Residence Hot Springs Sungai Klah kebanyakannya terdiri daripada golongan pelancong dalam lingkungan umur pertengahan. Lebih separuh daripada responden berumur antara 20 hingga 40 tahun. Peratus umur pelancong tertinggi adalah yang berumur sekitar 20 hingga 30 tahun iaitu 54 peratus. Manakala 6 peratus daripada pelancong ini terdiri daripada golongan tua yang berumur 51 ke atas. Dari segi pekerjaan, kebanyakan responden bekerja dalam sektor swasta berbanding responden yang bekerja di sektor kerajaan, diikuti responden yang terdiri daripada pelajar, tidak bekerja, bekerja sendiri dan responden yang berniaga.

Berdasarkan status taraf perkahwinan, 58 peratus merupakan responden berstatus bujang. Kebanyakan responden bujang ini melancong ke TRAP untuk berekreasi sambil merehatkan minda setelah penat bekerja dan ada sebahagian responden masih belajar. Ketika kajian ini dijalankan, terdapat sekumpulan pelajar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang melancong di kawasan ini dan turut sama menjadi responden kajian ini. Sebanyak 40 peratus responden pula sudah berkahwin yang datang bersama-sama membawa keluarga masing-masing, 2 peratus pula terdiri daripada janda. Responden ini dibawa oleh anak-anak mereka untuk bersiar-siar.

Sebanyak 52 peratus responden berasal dari negeri Perak seperti Teluk Intan, Bidor, Tapah, Tanjung Malim, dan ada sesetengah responden berasal dari FELDA ini sendiri. Manakala, selebihnya adalah dari negeri Selangor seperti Sabak Bernam, Hulu Bernam, Gombak, Kuala Lumpur dan sebagainya; Pahang, Kedah, Terengganu dan Singapura. Responden ini melancong ke kawasan ini

bersama keluarga dan rakan mereka dengan menaiki kenderaan masing-masing. Peratus responden yang melancong bersama ahli keluarga ke TRAP pula menunjukkan 62 peratus responden membawa seramai 4 hingga 6 orang merupakan bilangan isi rumah yang tertinggi, diikuti dengan 1 hingga 3 orang isi rumah dan selebihnya ialah isi rumah seramai 7 hingga 9 orang.

Dari segi pendapatan, sebanyak 34 peratus responden berpendapatan kurang daripada RM2000 diikuti dengan lain-lain sebanyak 30 peratus. Lain-lain pendapatan ini disebabkan oleh responden yang masih belajar dan tidak mempunyai sumber pendapatan. Manakala, 16 peratus responden mempunyai pendapatan sebanyak RM2100 hingga RM3000, 10 peratus pula berpendapatan sebanyak RM3100 hingga RM4000, 6 peratus responden mempunyai pendapatan lebih RM5000 dan 4 peratus responden berpendapatan sebanyak RM4100 hingga RM5000. Kebanyakan responden yang mempunyai pendapatan melebihi RM5000 ini bekerja sendiri dan bekerja di sektor swasta.

#### *Cara kedatangan pelancong ke TRAP*

Berdasarkan cara dan mod pengunjung datang ke TRAP, didapati bahawa 88 peratus responden menaiki kenderaan sendiri. Manakala yang kedua tinggi ialah lain-lain mod iaitu sebanyak 10 peratus dan seterusnya 2 peratus mengikuti trip pelancongan. Misalnya semasa kajian dilakukan, terdapat satu trip pelancongan dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang terdiri daripada pelajar yang baru pertama kali datang ke sini untuk bermandi-manda. Mereka datang ke sini dengan menyewa van. Kebanyakan responden menaiki kenderaan sendiri kerana tidak terdapat pengangkutan awam yang disediakan, oleh itu mereka mengambil keputusan untuk menaiki kenderaan sendiri. Kebanyakan daripada pengunjung yang telah berkahwin datang bersama-sama dengan keluarga mereka. Walau bagaimanapun, 30 peratus daripada responden datang ke TRAP bersama dengan kenalan mereka. Ini kerana kebanyakan responden adalah masih bujang dan mereka menghabiskan waktu hujung minggu bersama dengan rakan mereka dengan berekreasi di TRAP ini. Manakala yang datang bersendirian adalah sebanyak 6 peratus. Mereka datang bersendirian dengan tujuan menjalankan urusan kerja dan merehatkan minda. Namun, kumpulan terkecil yang dikenalpasti terdiri daripada kumpulan berpasangan (teman wanita atau teman lelaki), tunang dan sebagainya adalah sebanyak 2 peratus.

#### *Tujuan pelancong ke TRAP*

Daripada kajian yang dilakukan, tujuan responden datang ke TRAP adalah untuk bermandi-manda, sama ada di kawasan kolam air gunung mahupun di kawasan kolam air panas. Sebanyak 34 peratus responden yang datang ke TRAP untuk tujuan bermandi-manda. Manakala, tujuan lain responden datang ke sini adalah untuk membawa keluarga besiar-siar dengan 28 peratus diikuti 22 peratus responden yang datang ke sini dengan tujuan untuk berehat. Selain itu, 10 peratus bertujuan menikmati kepelbagaian flora dan fauna dan 6 peratus atas urusan kerja.

#### *Cara pelancong mengetahui kewujudan TRAP*

Kewujudan sesebuah kawasan pelancongan bergantung kepada cara mempromosikan kawasan tersebut. Promosi ialah kegiatan yang lebih mencakup, menyebarluaskan promosi yang berbentuk kebendaan seperti filem, slaid, pengiklanan, brosur, buku kecil, folder dengan menggunakan berbagai-bagai saluran seperti televisyen, radio, majalah, panggung wayang, pengiriman secara terus kepada calon-calon pelancong ataupun pelancong yang sering melancong dengan tujuan untuk memindahkan penerangan-penerangan dan mempengaruhi bakal-bakal atau calon-calon pelancong untuk membuat lawatan ke suatu tempat pelancongan (Yoeti, 1988: 59). Kewujudan TRAP diketahui oleh pengunjungnya melalui kawan-kawan dan saudara-mara. Selain itu, terdapat responden mengetahui kewujudan kawasan pelancongan ini kerana berdekatan dengan tempat tinggal responden sendiri, media elektronik dan papan iklan.

#### *Kekerapan pelancong ke TRAP*

Setiap pelancong yang datang ke sesebuah kawasan pelancongan akan kembali semula ke kawasan tersebut jika ia memberi kenangan yang mendalam kepada mereka. Maka, responden akan kerap

melancong ke Taman Rekreasi Air Panas (TRAP ) FELDA Residence Hot Springs Sungai Klah. Kekerapan mereka banyak bergantung kepada kepuasan dan keselesaan responden itu sendiri. Namun, dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelancong yang datang ke kawasan ini adalah baru pertama kali iaitu sebanyak 44 peratus berbanding dengan responden yang telah melancong ke sini lebih dari empat kali iaitu sebanyak 22 peratus. Manakala 12 peratus responden melancong ke sini sebanyak dua kali, diikuti dengan tiga kali dan tiap-tiap hari iaitu masing-masing 8 peratus dan 6 peratus responden datang melancong ke sini melebihi empat kali.

#### *Masa kedatangan pelancong ke TRAP*

Faktor utama permintaan pelancongan terhadap pelancongan ialah faktor waktu atau masa. Masa yang dimaksudkan di bidang pelancongan ialah adanya waktu lapang bagi seseorang itu untuk mengadakan kunjungan atau lawatan. Dengan kata lain terdapatnya waktu untuk melancong (Yoeti 1988: 78-79). Hujung minggu merupakan hari paling ramai pelancong datang ke kawasan ini khususnya pada hari Sabtu dan Ahad. Ini ditunjukkan oleh 38 peratus responden datang ke kawasan ini pada hari minggu, 32 peratus responden pula datang ke kawasan pelancongan ini pada cuti umum seperti cuti Hari Raya, cuti Hari Buruh, dan sebagainya. Manakala, 14 peratus responden lagi datang ke sini pada hari cuti sekolah dan lain-lain hari. Ini kerana pada hari tersebut anak-anak responden dan responden yang masih belajar mempunyai masa terluang menjalankan aktiviti pelancongan.

TRAP merupakan kawasan rekreasi terbaik di Sungkai, Perak. Ini dapat dibuktikan dengan seramai 96 peratus responden bersetuju bahawa TRAP adalah yang terbaik di mukim Sungkai Perak. Selain itu, responden juga memberi maklum balas bahawa TRAP adalah terbaik kerana lebih spearuh pelancong yang datang adalah dari luar negara. Selain itu, responden berpendapat bahawa kawasan TRAP bukan sahaja mempunyai kawasan mandi-manda malah mempunyai spa dan kawasan air panas, keadaan kawasan sekitar juga memberikan ketenangan kerana di kelilingi oleh tumbuhan, kemudahan yang baik dan tidak terlalu jauh dari kota juga merupakan alasan TRAP ini adalah terbaik. Responden juga berpendapat bahawa TRAP adalah kawasan rekreasi terbaik untuk seisi keluarga serta rakan-rakan. Selain itu, udara yang segar juga memberikan kedamaian, ketenangan dan ketenangan terindah kepada setiap pelancong yang berkunjung ke TRAP ini. Namun begitu, 4 peratus pelancong yang berkunjung ke TRAP tidak bersetuju bahawa kawasan ini adalah tempat rekreasi terbaik kerana jauh dari jalan utama dan keselamatan jalan yang kurang memberi keselesaan kepada pelancong yang berkunjung ke TRAP.

#### *Aktiviti di TRAP*

Pelancong yang mengunjungi TRAP melakukan pelbagai aktiviti seperti merebus telur, berkelah, fotografi, meredah hutan, jacuzzi, mandi kolam air panas dan kolam air gunung, refleksologi, berjalan di titi kayu dan lain-lain. Didapati 14 peratus responden memilih untuk melakukan aktiviti fotografi sebagai aktiviti utama dan 8 peratus memilih untuk melakukan aktiviti refleksologi. Terdapat responden yang melakukan tiga aktiviti seperti merebus telur, berkelah, fotografi, mandi di kolam air panas dan mandi di kolam air gunung iaitu masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 12,14, dan 10 peratus.

#### *Daya tarikan TRAP*

Pemandangan adalah salah satu faktor yang menjadi tarikan kepada pelancong yang datang ke kawasan ini. Ini diakui oleh semua responden yang ditemu ramah ketika kajian dilakukan. Pengunjung amat teruja dan terpersona dengan keindahan alam semulajadi di kawasan ini. Selain itu, kolam air panas juga menjadi daya tarikan kepada pelancong lebih-lebih lagi apabila nama tempat ini sendiri sudah mencerminkan daya tarikan di sini. Keindahan landskap TRAP tidak dapat di sangkal apabila ternyata landskap kawasan dapat memukau setiap pengunjung yang datang (seperti foto 1). Bukan itu sahaja, kemudahan rekreasi, jacuzzi, kolam air gunung dan sebagainya juga menjadi daya tarikan di kawasan ini. Seni bina sesebuah pusat pelancongan merupakan daya tarikan terpenting yang dititikberatkan oleh pelancong. Sebanyak 88 peratus responden bersetuju bahawa seni bina TRAP adalah menarik.



Foto 1. Kolam air panas TRAP

## Persepsi pelancong terhadap TRAP

### *Kemudahan dan persekitaran TRAP*

Memandangkan Taman Rekreasi Air Panas (TRAP) sebelum ini kurang mendapat sambutan pada awal pembukaannya, maka penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur dan pemasarannya merupakan agenda utama dalam pembangunan TRAP ini. Penyediaan kemudahan ini bukan sahaja dapat memenuhi permintaan komuniti di kawasan itu malah dapat memenuhi permintaan pelancong bagi meningkatkan kualiti dan potensi kawasan ini. Kemudahan yang disediakan berfungsi untuk memenuhi keperluan utama dalam memberikan perkhidmatan dan kemudahan yang baik kepada para pelancong.

Dalam konteks pembangunan pelancongan di FELDA Residence Hot Springs Sungai Klah sememangnya dapat dilihat akan perubahan fizikal yang berlaku secara berfasa dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini. Kemudahan yang terdapat di TRAP boleh dikatakan jauh lebih baik berbanding sebelumnya. Melalui kerjasama FELDA Residence Hot Springs Sungai Klah dengan FELDA Travel Sdn. Bhd. dalam sektor pelancongan dan pembinaan seni bina baru, maka kemudahan awam dan infrastruktur telah ditingkatkan. Segala kemudahan baru yang telah dan sedang disiapkan ini dapat menambah baik kemudahan yang sedia ada. Dengan adanya kemudahan tersebut, secara umumnya kualiti kehidupan komuniti di felda tersebut sedikit sebanyak telah meningkat.

Merujuk tahap kepuasan terhadap kemudahan yang telah disediakan majoriti pelancong yang datang ke TRAP ini mendapat maklum balas yang positif iaitu memuaskan. Kategori jumlah amat memuaskan dan memuaskan ialah kebersihan udara (66 peratus), kawasan tempat letak kereta (64 peratus), pokok-pokok bunga (62 peratus), pokok berteduh (60 peratus), kemudahan aktiviti rekreasi (60 peratus), kebersihan persekitaran secara keseluruhan (58 peratus), tandas awam dan petunjuk maklumat masing-masing 52 peratus. Ini menunjukkan kemudahan tersebut telah mendapat pengiktirafan yang sewajarnya daripada pelancong dari segi kualiti serta perkhidmatannya.

Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa kemudahan yang mendapat reaksi negatif daripada pelancong iaitu kemudahan yang amat tidak memuaskan seperti kemudahan telefon (18 peratus), taman permainan kanak-kanak dan keselamatan jalan masing-masing 14 peratus, keadaan jalan (12 peratus), kemudahan penginapan, kemudahan restoran dan kafe masing-masing mencatatkan 10 peratus ketidakpuasan terhadap kemudahan yang disediakan. Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa kemudahan-kemudahan ini sememangnya kurang mendapat perhatian daripada pihak berkenaan terutama dari segi penyelenggaraannya.

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati persepsi dan penilaian pelancong terhadap kemudahan dan persekitaran di TRAP adalah memuaskan lebih-lebih lagi apabila kawasan pelancongan ini menitik beratkan tentang ekopelancongan. Namun begitu, segala kemudahan yang disediakan hendaklah ditambah, dibaiki, dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk memenuhi keperluan dan keselesaan pengunjung yang kian bertambah.

#### *Potensi TRAP sebagai destinasi pelancongan*

Pelbagai aspek diambil kira bagi mengetahui persepsi pelancong terhadap potensi TRAP sebagai destinasi pelancongan. Antara aspek yang ditekankan ialah pandangan pelancong terhadap pembangunan pelancongan di TRAP sebagai destinasi pelancongan, masalah ketika berkunjung ke TRAP pandangan dan cadangan pelancong untuk memajukan TRAP sebagai destinasi pelancongan dan kunjungan semula pelancong pada masa akan datang.

#### *Pembangunan ekopelancongan*

Pembangunan di kawasan alam semula jadi tanpa mengambil kira impaknya terhadap generasi akan datang akan membawa kesan negatif dalam jangka masa panjang. Tambahan pula, kawasan yang telah dimajukan tidak akan kekal dengan keaslian semula jadinya. Oleh itu, keseimbangan sebagai kawasan pelancongan dan alam semula jadi amat bergantung kepada perancangan dan pengurusan oleh pihak yang bertanggungjawab (Lindberg 1991). Walaupun pembangunan ekopelancongan di TRAP masih lagi dalam proses pembinaan dan naik taraf, namun pembangunan tersebut telah menampilkan potensinya sebagai sebuah kawasan pelancongan yang terkenal pada suatu hari nanti. 58 peratus pelancong menyatakan tahap kepuasan mereka terhadap pembangunan di kawasan ini memuaskan, ini dapat dibuktikan dengan pandangan pelancong tentang pemeliharaan alam sekitar yang baik sekaligus menunjukkan bahawa perancangan dan pengurusan oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab memuaskan. Manakala 32 peratus daripada mereka amat berpuas hati terhadap pembangunannya dan 10 peratus menyatakan tahap kepuasan pembangunan di TRAP ini adalah sederhana.

#### *Masalah ketika berkunjung*

TRAP yang baru dibangunkan sebagai sebuah pusat pelancongan tidak pernah sunyi menerima kunjungan pelancong sama ada dari dalam atau luar negara. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah pengangkutan, kemudahan awam, penginapan, dan sebagainya. Hasil kajian mendapati 44 peratus responden menghadapi masalah pengangkutan, iaitu tiada bas awam yang boleh dinaiki untuk ke Taman Rekreasi Air Panas (TRAP) FELDA Residence Hot Springs Sungai Klah. Ini telah menyebabkan kurangnya sambutan orang ramai yang tidak memiliki kenderaan. Sebanyak 20 peratus menghadapi masalah berkaitan kemudahan awam, iaitu tiada taman permainan kanak-kanak disediakan, tiada kemudahan telefon bagi responden yang tidak memiliki telefon bimbit dan sebagainya. 6 peratus pula, menghadapi masalah penginapan iaitu dari segi harga penginapan yang terlalu mahal dan pada cuti perayaan penginapan yang disediakan tidak mencukupi dan 30 peratus responden menghadapi masalah lain seperti kekurangan tempat makanan, terlalu jauh untuk ke TRAP dan harga makanan yang terlalu mahal.

#### *Pandangan dan cadangan*

Terdapat pelbagai pandangan dan cadangan yang diberikan oleh responden untuk memajukan lagi TRAP sebagai destinasi pelancongan yang maju pada masa akan datang sekaligus dapat menarik lebih ramai pelancong supaya berkunjung ke sini. Terdapat responden mencadangkan supaya pihak pengelola TRAP membaiki kemudahan asas dan memperbanyakkan kemudahan rekreasi untuk menjamin keselesaan pengunjung seperti membina taman permainan kanak-kanak, membaiki keadaan jalan raya, meningkatkan keselamatan jalan raya, menyediakan kemudahan telefon awam, membina lebih banyak tempat ibadat dan pondok-pondok kecil.

Selain itu, terdapat juga responden mencadangkan supaya dapat meningkatkan perkhidmatan pengangkutan yang sedia ada dan membina lebih banyak tempat penginapan. Pengangkutan

merupakan masalah yang paling banyak dihadapi oleh pelancong untuk berkunjung ke TRAP terutamanya golongan yang tidak mampu dan tidak memiliki kenderaan sendiri seperti pelajar sekolah institusi, pelajar pengajian tinggi dan keluarga yang berpendapatan rendah. Berdasarkan latar belakang pengunjung didapati golongan pelajar kurang memuaskan. Ini membuktikan kemudahan pengangkutan tidak dapat memenuhi keperluan dan permintaan terhadap golongan tersebut yang ingin mengunjungi Taman Rekreasi Air Panas (TRAP ) FELDA Residence Hot Springs Sungai Klah.

Namun tidak dilupakan tempat penginapan perlu dibina lebih banyak dengan harga yang berpatutan supaya pelancong dapat menginap di kawasan itu lebih lama. Tempat penginapan amat diperlukan oleh pengunjung lebih-lebih lagi pada hari cuti perayaan dan harga yang ditawarkan perlulah berpatutan agar semua pengunjung dapat menikmati pelancongan mereka. Oleh itu, kemudahan tempat penginapan perlu diperbanyakkan lagi untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Terdapat juga responden mencadangkan supaya menambah lebih banyak tempat makan, menambah kedai-kedai jualan dan meningkatkan promosi untuk menarik lebih ramai pengunjung.

Hasil kajian mendapati 90 peratus responden berminat dan ingin datang lagi ke TRAP pada masa akan datang. Kebanyakan responden berpuas hati dan gembira kerana dapat berkunjung ke Taman Rekreasi Air Panas (TRAP ) FELDA Residence Hot Springs Sungai Klah. . Ini jelas membuktikan bahawa TRAP amat berpotensi untuk menjadi sebuah destinasi pelancongan yang maju dan terkenal pada masa depan. Rajah 4.12 menunjukkan 10 peratus responden yang memilih tidak pasti untuk berkunjung lagi ke Taman Rekreasi Air Panas (TRAP ) FELDA Residence Hot Springs Sungai Klah.

## Kesimpulan dan cadangan

Sememangnya, faktor tarikan semulajadi dan produk sesebuah kawasan pelancongan merupakan imej dan tarikan kepada destinasi tersebut. Sebagai contoh, Cameron Highlands merupakan tempat peranginan pergunungan yang terkenal kerana sifat-sifat alam semulajadi yang unik. Keadaan iklim yang sejuk dan alam semula jadi yang kaya dengan flora dan fauna menjadikan Cameron Highlands satu destinasi pelancongan yang popular. Cameron Highlands menawarkan pelbagai pelbagai produk ekopelancongan seperti ladang teh, hutan simpan, ladang bunga dan sayur-sayuran serta air terjun yang menarik minat pelancong tempatan bahkan juga pelancong antarabangsa. Bagi kawasan TRAP Sungai Klah pula, keunikan dan produk pelancongan yang menjadi tarikan utama sudah tentulah kolam air panas semulajadi, kolam air sungai yang mengalir dari kaki gunung Banjaran Titiwangsa, panorama semulajadi serta suasana desa yang permai. Dalam hal ini pihak kerajaan sentiasa peka terhadap pembangunan mapan produk ekopelancongan di kawasan pergunungan dan pulau (Lee & Chan 2005).

Ekopelancongan adalah produk pelancongan yang baru diperkenalkan di Malaysia. Ekopelancongan telah diberi perhatian dan mula dibangunkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan Rancangan Malaysia Kelapan. Dalam hal ini, TRAP Sungai Klah adalah kawasan rekreasi yang berpotensi dalam pembangunan ekopelancongan kerana persekitaran alam semula jadinya sesuai. Oleh itu penyelidikan pelancongan adalah penting dalam membangunkan TRAP dan mempromosikan lokasi air panas ini kepada pelancong tempatan dan antarabangsa. Antara contoh terbaik pernah dijalankan ialah di Thailand seperti yang terdapat dalam kajian Oppermann (1997) membuktikan bahawa negara Thailand telah terpilih untuk kajian bagi ekopelancongan dalam konteks Asia Tenggara. Kerajaan Thailand telah melaksanakan projek ekopelancongan pada tahun 1993 dengan memperuntukkan sebanyak 66 juta Baht untuk 79 projek-projek, meliputi kawasan pembangunan untuk perhubungan awam, panduan latihan program-program dan penyelidikan. Manakala, Institusi Sumber Dunia (1994) melalui penyelidikan yang dijalankan membuktikan negara tersebut mempunyai fokus penyelidikan yang banyak dan relevan berbanding negara serantau yang lain. Kerajaan Thailand berminat dalam mempelbagaikan produk pelancongan melalui penggalakan kepada ekopelancongan yang ditakrifkan sebagai termasuk salah satu komponen kebudayaan yang kukuh. Thailand mempunyai sumber-sumber biotik yang banyak termasuk lebih 12,000 spesies tumbuh-tumbuhan lebih tinggi, 616 ekor burung-burung dan 251 mamalia.

Pembangunan TRAP sebagai destinasi ekopelancongan perlu dilakukan secara mapan dengan perancangan yang rapi dan terkawal agar manfaatnya bukan hanya akan membawa kepada tarikan pelancong, bahkan akan dapat meningkatkan tingkat pendapatan negeri dan negara. Focus (1995) &



King (1993) telah membuktikan bahawa terdapat banyak manfaat ekonomi daripada ekopelancongan seperti pembangunan di kawasan luar bandar dan meningkatkan pendapatan hasil melalui tukaran mata wang. Malahan ekopelancongan turut menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan seperti pemandu pelancong, kakitangan perhutanan dan pekerja perkhidmatan dalam sektor perkhidmatan. Perkhidmatan yang diperolehi daripada ekopelancongan dapat digunakan bagi tujuan pemeliharaan ekosistem hutan. Ia juga dapat mengurangkan aktiviti pemburuan hidupan liar bagi mendapatkan pulangan pendapatan. Di Afrika Barat, bekas pemburu dilantik sebagai kakitangan perhutanan disebabkan mereka mengetahui selok-belok tentang haiwan. Selain itu, penduduk tempatan dapat menjual barangan kraftangan dan fabrik kepada pelancong.

TRAP merupakan destinasi ekopelancongan yang baru di Malaysia. Sebagai sebuah pusat pelancongan yang terletak di kawasan FELDA dan mempunyai tarikan alam semula jadi, maka TRAP menjadi tumpuan dan berjaya menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Namun begitu, terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian untuk menampung ketibaan pelancong sekaligus dapat memajukan lagi sektor ekopelancongan di Taman Rekreasi Air Panas (TRAP) FELDA Residence Hot Springs Sungai Klah.

Antara cadangan yang perlu dipertimbangkan ialah:

a. Menyediakan dan memajukan sistem pengangkutan dan perhubungan

Pengangkutan merupakan komponen yang penting dalam industri pelancongan. Pengangkutan merupakan prasyarat dalam melakukan aktiviti pelancongan dan merupakan kemudahan untuk pelancong bergerak dari tempat mereka (rumah) ke destinasi pelancongan mereka. Dalam pelancongan, prasarana yang baik harus dipersiapkan seperti mana yang diperlukan oleh para pelancong. Lapangan terbang, pelabuhan, dan stesen pengangkutan, jalan raya, dan jambatan yang menuju ke tempat atau daerah pelancongan harus dijaga dan diperbaiki supaya para pelancong yang akan mengunjungi tempat tersebut dapat sampai ke tempat yang dituju dengan cepat dan selesa (Yoeti 1988: 173). Selain itu, kekurangan jalan raya dan perkhidmatan pengangkutan yang sesuai, ditambah lagi dengan masa perjalanan yang panjang, boleh menyebabkan kurangnya pelancong untuk pergi ke sesuatu destinasi. Oleh itu, daripada dapatan kajian, pengangkutan awam seperti bas, teksi dan sebagainya perlulah ditingkatkan bagi memastikan pelancong lebih selesa dan lebih ramai pelancong ke destinasi tersebut. Selain pengangkutan kemudahan perhubungan juga perlu diberi perhatian seperti adanya zon WiFi, telefon awam dan sebagainya. Selain itu, pihak pengelola perlulah memastikan keselamatan pelancong dengan melakukan rondaan. Ini kerana jalan ke TRAP agak jauh dari jalan utama dan jalan di situ tiada lampu jalan.

b. Membina lebih banyak tempat penginapan

Jumlah ketibaan pelancong ke TRAP semakin meningkat pada setiap tahun. Menurut Penolong Pengurus FELDA Residence, Encik K Haridas, sejak memulakan operasi pada 2005, tempat ini telah dikunjungi seramai 1,500,987 orang pelancong. Daripada jumlah itu, 20,405 adalah pelancong dari luar negara. Pada cuti perayaan atau cuti umum, tempat penginapa yang terdiri daripada 18 unit villa dan 64 bilik standard deluxe tidak mencukupi. Oleh itu, pihak pengelola perlu mengambil inisiatif dalam membina lebih banyak tempat penginapan namun alam semula jadi tidak diabaikan. Selain itu, *homestay* juga merupakan inisiatif yang baik dalam memberi peluang kepada penduduk setempat dalam menjana ekonomi mereka secara tak langsung. Kewujudan pelancong bermusim ini lebih menyulitkan kerana permintaan bagi tempat penginapan yang meningkat. Kunci kejayaan sesuatu pusat pelancongan adalah atas faktor mutu, lokasi, dan persepsi pelancongan terhadap asset tersebut. Kekurangan kemudahan penginapan yang baik merupakan salah satu faktor yang menyebabkan sesuatu kawasan pelancongan itu kurang mempunyai daya tarikan. Oleh itu, bagi pembangunan sesuatu kawasan rekreasi di tempat yang jauh, biasanya dikaitkan dengan keperluan memperoleh penginapan sementara (Mathieson dan Wall, 1991).

c. Memperbanyakkan kemudahan rekreasi dan memperbaiki perkhidmatan

Kemudahan rekreasi seperti taman permainan kanak-kanak harus dibina. Ini dapat memberi kepuasan kepada kanak-kanak. Selain itu, kemudahan rekreasi seperti bilik gym, abseiling, berbasikal dan sebagainya juga dapat memberi kepuasan kepada pelancong. Kemudahan perkhidmatan seperti *locker* yang berkunci harus diletakkan berdekatan dengan bilik pengawal. Perkhidmatan ini dapat memberi

keselesaan kepada pelancong tanpa rasa gelisah apabila melakukan aktiviti bersama keluarga dan kawan-kawan mereka. Selain itu, daripada dapatan kajian yang diperolehi, kebanyakan pelancong meluahkan rasa kurang puas hati terhadap bayaran masuk, bayaran spa, dan bayaran penginapan. Oleh itu, diharap pihak pengelola dapat mempertimbangkan semula pendapat pelancong supaya berlaku peningkatan terhadap statistik pelancong yang akan datang pada masa akan datang. Permintaan terhadap aktiviti rekreasi turut berkembang seiring dengan kemajuan sector pelancongan. Kepelbagaian jenis kemudahan rekreasi akan menarik lebih ramai pelancong untuk berkunjung ke TRAP.

Sebagai kesimpulannya, ekopelancongan merupakan satu subindustri pelancongan yang amat berpotensi untuk maju di Malaysia kerana Malaysia menawarkan pelbagai keindahan alam semulajadi dan sumber alam yang unik sebagai daya tarikan pelancongan. Dalam hal ini kerajaan sentiasa positif dalam membantu memajukan sektor pelancongan melalui pelbagai usaha termasuk skim galakan, insentif, latihan, promosi dan kemudahan khidmat nasihat kepada pengusaha dan semua agensi yang terlibat dalam industri pelancongan. Sektor pelancongan secara tidak langsung telah memberi manfaat kepada peningkatan pendapatan negara sekaligus menyumbang kepada peningkatan KDNK Malaysia. Bagi penduduk FELDA Sungai Klah, taraf hidup mereka semakin meningkat apabila kawasan pelancongan TRAP dibangunkan di kawasan FELDA ini. Anak-anak peneroka FELDA khususnya tidak perlu lagi berhijrah keluar ke bandar untuk mencari pekerjaan, tetapi mereka boleh bekerja di kawasan ini dengan melibatkan diri dalam sektor pelancongan yang menawarkan pelbagai peluang pekerjaan dan keusahawanan.

## Rujukan

- Jabatan Penerangan Malaysia (2012) Available from: <http://pmr.penerangan.gov.my/>.
- Ceballos Lascurain H (1988) The future of ecotourism. *Mexico Journal* pp. 13-14.
- Focus (1995) *Fiji: A comparison of two village*. Februari, pp. 5-7.
- Hall CM, Page SJ (2002) *The geography of tourism and recreation: Environment, place and space* (2<sup>nd</sup> edn). Routledge, London.
- International Ecotourism Society (2012) Available from: <http://www.ecotourism.org/>
- Jafari J (1977) Editors page. *Annals of Tourism Research* 5 (Spl), 6-11.
- King (1993) *Ecotourism: A sustainable option*. John Willey & Sons, Chichester.
- Lee Boon Hiong, Chan Ngai Weng (2005) Pengurusan persekitaran 2005: *Ekopelancongan dan orang asli di Cameron Highland*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Leiper N (1981) Towards a cohesive curriculum in tourism: The case for a distinct discipline. *Annals of Tourism Research* 7 (2), 255-258.
- Mathieson A, Wall G (1982) *Tourism: Economic, physical and social impacts*.
- Mohamad Zaki Ahmad, Johan Afendi Ibrahim (2006) Pelancongan dan alam sekitar: Ekopelancongan sebagai alat untuk mencapai pembangunan pelancongan mapan dan meningkatkan kualiti persekitaran. In: *Isu-isu & pengurusan alam sekitar fizikal*, pp. 95-116. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Oppermann M (1997) *Pacific rim tourism: Ecotourism in Thailand*. Cab International, United Kingdom.
- Orams MB (1995) *Towards a more desirable form of ecotourism*. Tourism Management.
- R Chadwick (1994) *The geography of tourism and recreation: Environment, place and space* (3<sup>rd</sup> edn). Routledge, London.
- Yoeti OA (1988) *Pemasaran pelancongan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ziffer KA (1989) *Ecotourism, the uneasy alliance*. Conservation International, Washington DC.